

Penduduk Durian Tunggal terpaksa dipindahkan

ALOR GAJAH - Hujan lebat yang melanda negeri ini sejak malam kelmarin telah menyebabkan 51 orang dari 12 buah keluarga kawasan sekitar Durian Tunggal di sini dipindahkan di tiga pusat pemindahan banjir di sini, semalam.

Antara kawasan yang terjejas teruk ialah penduduk di Bukit Balai, Kampung Padang Kerbau dan Kampung Pulau.

Penghulu Dewan Undangan Negeri (DUN) Durian Tunggal, Mohd Marhakim Hasan, 43, berkata, punca banjir dipercayai dari sistem parit yang sedia ada tidak dapat menampung jumlah air yang banyak pada satu masa sehingga menyebabkan air melimpah dan masuk ke rumah penduduk.

Menurut beliau, sebuah keluarga di Bukit Balai dipindahkan seawal pukul 3 pagi di Balai Raya Bukit Balai sebelum Pusat Pemindahan di Surau Kg.Padang Kerbau dan Balai Raya Kg.Pulau dibuka kira-kira pukul 6 pagi kepada mangsa yang terlibat.

"Hujan lebat sejak pukul 10.30 malam semalam (kelmarin) hingga awal pagi ini (semalam) menyebabkan



ANTARA kawasan di DUN Durian Tunggal yang dinaiki air selepas hujan lebat sejak kelmarin.

air longkang penuh dan melimpah ke tanah sehinggakan rumah penduduk dinaiki air terutama mereka yang tinggal di kawasan rendah dan berhampiran sungai.

"Setakat ini tiada kemalangan jiwa berlaku dan kesemua mangsa yang terlibat masih ditempatkan di pusat pemindahan dan akan dibenarkan pulang setelah keadaan kembali pulih," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Melaka, Effendy Ali berkata, setelah menerima aduan mengenai banjir itu, JPAM Alor Gajah dengan kekuatan empat anggota telah bergegas ke lokasi dan membantu memindahkan kira-kira 13 orang di Kampung Bukit Tambun dan seorang warga emas di Kampung Pulau Durian Tunggal.